

Bil. S 32

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(PENJAGA LINTASAN SEKOLAH), 2006**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Penyusunan bagi menjaga lintasan sekolah.
4. Penjaga lintasan sekolah.
5. Perwakilan.
6. Kewajipan berkenaan dengan kelayakan dan latihan penjaga lintasan sekolah.
7. Kuasa untuk menghentikan lalulintas.
8. Pemandu kenderaan hendaklah berhenti di lintasan sekolah.
9. Tanda yang ditetapkan.
10. Anggapan.
11. Hukuman.
12. Pindaan S 16/56.

JADUAL — TANDA

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(PENJAGA LINTASAN SEKOLAH), 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Penjaga Lintasan Sekolah), 2006.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"tanda yang ditetapkan" bermakna tanda yang disebut dalam peraturan 9;

"lintasan sekolah" bermakna mana-mana bahagian jalan di dalam kawasan sesebuah sekolah di mana mana-mana orang melintasi atau bertujuan untuk melintasinya dalam perjalanannya ke atau dari sekolah;

"penjaga lintasan sekolah" bermakna mana-mana orang yang dilantik sedemikian di bawah peraturan 4.

Penyusunan bagi menjaga lintasan sekolah.

3. Penyusunan boleh dibuat oleh Pengarah bagi menjaga lintasan sekolah dalam tempoh antara 6:30 pagi hingga 6:30 petang oleh penjaga-penjaga lintasan sekolah.

Penjaga lintasan sekolah.

4. Pengarah boleh melantik beberapa orang untuk menjadi penjaga lintasan sekolah bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

Perwakilan.

5. (1) Pengarah boleh mewakilkan kewajipan-kewajipannya berkenaan dengan organisasi dan pentadbiran penjaga lintasan sekolah kepada mana-mana orang

yang, atau mana-mana pihak berkuasa yang, akan berada di bawah kawalan dan arahan Pengarah.

{2} Mana-mana orang atau pihak berkuasa yang diwakilkan itu hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan tersebut.

Kewajipan berkenaan dengan kelayakan dan latihan penjaga lintasan sekolah.

6. Tugas Pengarah bagi maksud-maksud membuat apa jua penyusunan di bawah peraturan 3 hendaklah termasuk kewajipan untuk memuaskan hatinya mengenai kelayakan, dan untuk memberikan latihan yang diperlukan kepada, orang-orang yang akan menjadi penjaga lintasan sekolah.

Kuasa untuk menghentikan lalulintas.

7. Apabila sesebuah kenderaan menghampiri suatu lintasan sekolah, seseorang penjaga lintasan sekolah yang memakai pakaian seragam yang dibenarkan oleh Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki orang yang memandu, menggerakkan atau menunggang kenderaan itu untuk menghentikannya, dengan menunjukkan tanda yang ditetapkan mengikut cara sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah.

Pemandu kenderaan hendaklah berhenti di lintasan sekolah.

8. Mana-mana orang yang ditunjukkan dengan suatu tanda yang ditetapkan menurut peraturan 7 —

(a) Hendaklah menyebabkan kenderaan itu berhenti sebelum sampai di lintasan sekolah itu, supaya tidak menghentikan atau menghalang mana-mana orang yang melintasinya; dan

(b) tidaklah boleh menggerakkan kenderaan itu selagi tanda yang ditetapkan terus ditunjukkan oleh penjaga lintasan sekolah itu.

Tanda yang ditetapkan.

9. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, suatu tanda yang ditunjukkan oleh seseorang penjaga lintasan sekolah hendaklah dari saiz, warna dan jenis yang ditetapkan dalam Jadual dan hendaklah mengandungi perkataan-perkataan "STOP" atau "BERHENTI" dengan huruf-huruf yang dicat dengan warna hitam yang berlatarbelakangkan warna putih berkilau dan warna merah di tepi di sekeliling tanda itu.

Anggapan.

10. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika dibuktikan sebaliknya —

(a) suatu tanda yang ditunjukkan oleh seseorang penjaga lintasan sekolah hendaklah dianggap dari saiz, warna dan jenis yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan telah ditunjukkan dengan cara yang dikehendaki;

(b) pakaian seragam seseorang penjaga lintasan sekolah hendaklah dianggap sebagai pakaian seragam yang dibenarkan oleh Pengarah.

Hukuman.

11. Mana-mana orang yang gagal mematuhi atau melanggar peraturan 8 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$1,000, atau dalam hal kesalahan kedua atau berikutnya dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000.

Pindaan S 16/56.

12. Bahagian IX dan Jadual Ketiga belas dari Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya adalah dimansuhkan.

JADUAL

(peraturan 9)

TANDA



Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 1 haribulan Mac, 2006.

PEHIN ORANG KAYA SERI KERN DATO SERI SETIA
HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.